

25 JUN 1999

Taib-Pilihan Raya

BN S'WAK JANGKA TIADA MASALAH BESAR HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KUCHING, 25 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak yang dianggap antara penyumbang terbesar kerusi BN secara keseluruhan menjangka tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam pilihan raya umum kali ini.

Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, jangkauan itu berdasarkan semangat kompromi parti komponen BN negeri dalam semua isu termasuk pembahagian kerusi parlimen.

"Kita sudah bersedia sejak dahulu lagi bagi menghadapi pilihan raya umum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan perwakilan Harakah Islamiah (HIKMAH) ke-13 di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN mengarahkan parti komponen BN supaya mengerakkan jentera pilihan raya masing-masing.

Perdana Menteri turut menasihatkan komponen BN agar melupakan sebarang perselisihan dan merapatkan perhubungan bagi menghadapi pilihan raya yang dijangkakan sengit.

Di Sarawak, pada pilihan raya umum lepas yang hanya melibatkan pertandingan bagi kerusi Parlimen sahaja, BN memenangi 26 kerusi parlimen dari 27 kerusi dipertandingkan dan hanya tewas kerusi parlimen Bintulu kepada DAP.

Terdapat empat parti komponen BN Sarawak iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pada pilihan raya umum akan datang sebanyak 28 kerusi parlimen akan dipertandingkan termasuk sebuah kerusi baru iaitu Mambong yang diwujudkan setelah proses persempadanan semula kawasan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada tahun 1996.

Terdahulu, ketika berucap, Abdul Taib berkata proses menjalankan dakwah Islam perlu dikaji semula bagi menyesuaikan dengan perkembangan zaman.

Beliau berkata, ini penting bagi menarik lebih ramai orang terutama golongan muda mendekati Islam.

-- BERNAMA

RDY RHM